

Ci-988

J GB 29-12 00167 BA294

BAH

Mahathir - Bumiputera

ALOR SETAR, 29 Dis⁹⁸ (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan dapat menolong kaum Bumiputera dalam perniagaan walaupun dengan melaksanakan satu dasar yang luar biasa baiknya, jika mereka tidak mempunyai kecekapan dalam pengurusan dan tidak amanah.

Beliau berkata, kedua-dua elemen itu penting kepada peniaga dan pengusaha Bumiputera sekiranya mereka mahu berjaya.

Pi samping itu, mereka juga perlu mempunyai sifat keusahawanan dan berpengetahuan tentang bagaimana untuk memulakan perniagaan, katanya semasa merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Jelayu Malaysia di Dewan Persidangan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Mada (MADA) di sini hari ini.

Katanya, dasar kerajaan juga tidak akan membawa banyak manfaat jika kumpulan sasar dalam dasar itu tidak tahu menggunakannya bagi faedah mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, oleh itu, kerajaan akan menekankan beberapa ciri baru dalam dasar yang akan dirangka bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan antaranya ialah menilai kemampuan individu berkenaan.

-- Lagi.

♥29/12/17-04MST

CNS8998

U GB 29-12 00169 BA295

BAH

Mahathir - Bumiputera 2 Alor Setar

+Mulai sekarang, mereka yang tidak mempunyai kebolehan tidak akan ditolong,+ katanya sambil menambah kata bahawa kerajaan akan mengadakan satu cara untuk menguji kebolehan mereka yang akan diberi bantuan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan menekankan aspek-aspek latihan dan mereka yang tidak berminat untuk mengikuti latihan tidak akan diberi peluang mendapat kontrak kerajaan.

Katanya, langkah-langkah itu merupakan antara langkah tegas yang perlu diambil untuk membetulkan sikap peniaga dan pengusaha Bumiputera.

Ketika bercakap kepada pemberita, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan masih mengkaji dasar untuk dilaksanakan bagi menggantikan DEB yang berakhir penghujung tahun ini.

Katanya, kerajaan sendiri akan mengambil alih tugas merangka dasar tersebut daripada Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) setelah MAPEN gagal dalam tugas itu.

Beliau berkata, terdapat segolongan pihak yang dilantik ke dalam MAPEN untuk membolehkan dasar baru yang dirangka itu dipersetujui oleh semua pihak di negara ini tetapi golongan itu hanya pandai mengkritik dan akhirnya merekalah yang menarik diri. -- Lagi.

♥29/12/17-22MST

BAH

Mahathir - Bumiputera 3 Alor Setar '''

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, bagaimanapun beberapa cadangan yang dikemukakan oleh (MAPEN) akan diberi pertimbangan oleh kerajaan.

Ketika ditanya mengenai perlantikan dua orang Timbalan Menteri dari MIC ke kabinet yang belum dibuat sehingga kini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu akan diselesaikan tidak lama lagi. -- Bernama.

♥29/12/17-24MST